

RML JAMIN AGIHAN YANG SAKSAMA

Ucapan penuh
lihat muka 2

KUALA LUMPUR 21 Mac — Kerajaan hari ini melancarkan Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang memberi penekanan menggalakkan pertumbuhan ekonomi untuk menjamin semua kaum di Malaysia mendapat pengagihan yang saksama dari kekayaan negara.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, semasa membentangkan rancangan itu di Parlimen hari ini berkata teras pembangunan bagi tahun 1986 hingga tahun 1990 adalah pertumbuhan sederhana yang disertai dengan kestabilan.

Ini akan dilaksanakan tanpa membuat pinjaman secara besar-besaran seperti pada masa yang lepas tetapi menerusi usaha lebih gigih untuk menambah tabungan dalam negeri, menggembelngkan sumber - sumber dalam negeri, menarik pelaburan asing dan mengusahakan sumber-sumber yang ada dengan efisien dan produktif. Ucapannya selama sejam setengah yang disiarkan secara langsung oleh RTM antara lain mengupas teras utama RML, memperkukuhkan sektor awam, mengatasi masalah penambahan pengangguran, peranan sektor swasta dan langkah - langkah mewujudkan peraturan dan kawalan, perlunya perubahan sikap di kalangan rakyat Malaysia dan mengatasi ancaman terhadap perpaduan, keselamatan dan kestabilan negara.

Rancangan Malaysia Kelima itu yang merupakan peringkat keempat dan terakhir dalam pelaksanaan rangka rancangan jangka panjang, diberi peruntukan \$74,000 juta berbanding dengan \$80,000 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian menggariskan beberapa strategi yang akan dijalankan dalam tempoh lima tahun akan datang:-

- Menggalakkan pertumbuhan perindustrian menerusi lebih banyak usahasama dengan syarikat asing,
- Mempergiatkan sektor pertanian bagi meningkatkan pendapatan kebun dan menjadi sumber pekerjaan yang produktif,
- Usaha meningkatkan produktiviti buruh tempatan,
- Sektor awam tidak lagi memainkan peranan utama dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi tetapi lebih banyak lagi program penswastaaan agensi kerajaan akan dilaksanakan untuk mengurangkan penyertaan kerajaan dalam ekonomi, dan
- Mengambil langkah yang sesuai untuk mengurangkan tingkat pengangguran di negara ini dan terus mengawasi dengan teliti arah aliran pasaran buruh. Ini termasuk pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah setahun, mengubah syarat tanah-tanah lombong bagi tujuan pertanian, pembinaan jalan-jalan dan kerja-kerja kecil yang menggunakan tenaga buruh secara intensif, penswastaaan kegiatan - kegiatan terpilih serta latihan dan latihan semula penganggur - penganggur dalam bidang - bidang yang mempunyai

LINAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

RML jamin agihan

peluang bekerja di pasaran. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pada keseluruhannya, walaupun negara dijangka menghadapi masa-masa yang mencabar, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka berkembang pada kadar lima peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima berbanding dengan 5.8 peratus yang dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Bagi tempoh 1981-1985, ekonomi negara telah berkembang pada kadar yang boleh dibanggakan iaitu 5.8 peratus setahun dan ini telah meningkatkan pendapatan per kapita daripada \$3,719 pada tahun 1980 kepada \$4,609 pada tahun lalu. Di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP), kadar kemiskinan keseluruhannya di Semenanjung Malaysia dijangka berkurang daripada 49.3 peratus pada

tahun 1970 kepada 16.7 peratus pada tahun 1990. "Pencapaian kita adalah sangat memuaskan dan kita berjaya mencapainya tanpa menjejaskan ekonomi negara. Dengan itu amatlah tidak tepat, seperti yang ditekankan oleh setengah - setengah golongan yang mengatakan bahawa faedah - faedah pembangunan di negara ini hanya dibolot oleh satu kumpulan ethnik dengan mengenyepikan kumpulan ethnik yang lain," jelas Perdana Menteri. Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan mereka yang terus berbuat demikian hanya mempunyai satu niat iaitu untuk menyemai perasaan tidak puas hati, menimbulkan perpecahan dan seterusnya menggugat kestabilan negara. "Sebaliknya, banyak bukti yang menunjukkan bahawa semua rakyat Malaysia menikmati faedah - faedah pembangunan negara," ujarnya.